

26/06/2003

Kabinet setuju wujud Kursi Kajian Bangsa Eropah

KUALA LUMPUR: Kabinet bersetuju menubuhkan Kursi Kajian Bangsa Eropah bagi menjalankan penyelidikan dalam pelbagai aspek seperti budaya dan ekonomi orang Eropah.

Bagaimanapun, setakat ini Jemaah Menteri belum mengenal pasti universiti yang akan menubuhkan kursi berkenaan serta calon yang bakal mendudukinya.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata keputusan itu dicapai

dalam mesyuarat Kabinet semalam, selari dengan saranan Menteri Pertahanan,

Datuk Seri Najib Razak yang disokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, satu jawatankuasa diketuai Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan ditubuhkan untuk mengenal pasti universiti,

calon serta terma bagi penubuhan kursi berkenaan.

Sewaktu merasmikan perhimpunan agung Umno baru-baru ini, Dr Mahathir yang juga Presidennya menyatakan bangsa Eropah terbabit dan memainkan peranan penting dalam percaturan politik dunia.

Katanya, kajian mendapati mereka adalah bangsa yang sering terbabit dalam peperangan untuk menakluki bangsa lain.

Berikutan itu, sewaktu menggulung perbahasan, Najib mencadangkan penubuhan Institut Kajian Bangsa Eropah yang kemudian disokong Dr Mahathir.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, Musa berkata, walaupun Universiti Malaya (UM) sudah menubuhkan Institut Asia Eropah, kajiannya terhad kepada kerjasama antara Asia dengan Kesatuan Eropah manakala kursi yang dicadangkan kerajaan mempunyai skop lebih luas.

Katanya, kerajaan akan mengenal pasti universiti yang sesuai kerana kursi itu tidak semestinya ditubuhkan di UM.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan sebuah institut sedemikian ditubuhkan selepas kursi berkenaan ditubuhkan.

Beliau berkata, kajian mengenai bangsa Eropah penting kerana masa depan

dunia akan bergantung dan dipengaruhi bangsa berkenaan, termasuk Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan Jerman.

"Mereka akan menentukan corak perjalanan dunia, terutama ekonomi dan kedudukan negara lain. Kajian ini akan memberi manfaat kepada kita untuk berinteraksi dengan mereka," katanya.